



BOT melalui sebuah jalan di Kuala Kangsar yang ditenggelami banjir pada 1967.

Banjir besar berula

Fenomena perubahan cuaca, faktor pembangunan, pengaruhi kejadian

MUNGKINKAH ada pola keberulangan dalam kejadian banjir besar yang teruk melanda negara ini khususnya di Johor kebelakangan ini?

Itulah antara persoalan apabila meneliti sejarah bencana alam itu di negara ini dan terbaru apabila ia melanda Johor Bahru dan beberapa kawasan seluruh negara sehingga menyebabkan kerugian berjuta-juta ringgit.

Jika melihat kepada catatan sejarah, seolah-olah ada pola pusingan banjir pada setiap 40 tahun tetapi kajian lanjut perlu dilakukan untuk membuktikan sama ada kejadian banjir besar di Johor kali ini berkaitan dengan banjir pada 1926/ 1927 dan 1967.

Bezanya, banjir 1926 dikatakan berlaku di Pantai Timur khususnya Kelantan yang dikenali masyarakat setempat sebagai 'Bah Merah' manakala banjir pada 1967 dan pada kali ini berlaku lebih meluas termasuk di Johor.

Pada 1927, Kelantan dilanda Bah Merah lantaran air yang 'menenggelami' negeri itu berwarna seakan kemerahan serta meninggalkan kesan lumpur apabila ia surut.

Sebelum 1927, dipercayai ada satu lagi banjir besar di Pantai Timur iaitu sekitar 1880-an dan jika dikaitkan dengan teori pusingan masa banjir setiap lebih kurang 40 tahun itu, banjir berkenaan berkemungkinan berlaku pada 1887.

Pada 1967 iaitu selepas 40 tahun peristiwa banjir 1927, banjir besar sekali lagi berlaku tetapi kali ini di Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Perak, Kedah dan Perlis. Ia berlaku dua kali iaitu pada awal tahun dan akhir 1967.

Bagaimanapun, Pengarah Pusat Perubahan Cuaca Universiti Malaya (UMCCA), Profesor Dr Khairulmaini Osman Salleh, berkata untuk mengatakan wujudnya teori keberulangan banjir besar setiap 40 tahun, ia memerlukan kajian lebih terperinci.

Katanya, teori itu juga agak sukar disahihkan kerana selain jumlah purata hujan, banyak faktor lain



■ HAMPIR 3,000 orang terpaksa berpindah apabila bandar Kuala Kangsar dilanda banjir pada 1967.

mempengaruhi banjir antaranya pembangunan persekitaran yang jelas semakin berubah mengikut masa.

"Keadaan persekitaran dan pembangunan di sesuatu kawasan berubah antara sekarang dan 40 tahun lalu; berbanding dulu, pembangunan di negara kita kini semakin pesat dan faktor pembangunan persekitaran turut

“Keadaan persekitaran dan pembangunan di sesuatu kawasan berubah antara sekarang dan 40 tahun lalu; berbanding dulu, pembangunan di negara kita kini semakin pesat dan faktor pembangunan persekitaran turut mempengaruhi berlakunya banjir,”

Dr Khairulmaini Osman Salleh
Pengarah Pusat Perubahan Cuaca
Universiti Malaya

mempengaruhi berlakunya banjir," katanya.

Banjir 1967 dikatakan antara banjir paling teruk dalam sejarah negara kita. Lebih memilukan ia berlaku pada Ramadan sehingga Syawal menyebabkan penduduk terpaksa menyambut Aidilfitri dalam keadaan banjir.

Ia berlaku pada Januari tahun itu apabila hujan berlarutan selama beberapa hari sehingga menyebabkan paras air meningkat.

Laporan akhbar ini pada 6 Januari 1967 melaporkan kira-kira 1,300 mangsa dipindahkan di Baling, Kedah; masing-masing 3,000 di Kuala Kangsar, Perak dan Kota Bharu, Kelantan manakala Kuala Berang, Terengganu seramai 2,000, pada tarikh berkenaan. Beberapa hari kemudian, jumlah mangsa di semua negeri meningkat melebihi 20,000 orang.

Hari ketiga, banjir mulai surut di Terengganu dan Perak tetapi air semakin naik di Perlis. Sehingga hari keempat, 17 mangsa dicatatkan terkorban di Kelantan dan 13 mangsa masih hilang di negeri itu dan Terengganu.

Pada 12 Januari, banjir semakin pulih di semua negeri tetapi Singapura pula dilanda bencana alam itu. Keadaan banjir itu menyebabkan suntikan taun diberikan di seluruh Segamat, Johor; harga padi di pasaran mulai jatuh dan Jepun menderma ubatan bernilai



■ JURURAWAT di Kota Tinggi Johor meredah banjir yang melanda pada 1967.



ang

banjir

RM6,000 bersama satu pasukan perubatan diketuai dua doktor.

Berita Harian pada 27 Februari pula melaporkan kerosakan akibat banjir di Perak yang merangkumi daerah Kuala Kangsar, Parit, Ulu Perak, Hilir Perak bernilai lebih RM5 juta.

Sepanjang Februari tahun itu, hujan lebat yang berterusan menyebabkan banjir mula berlaku di Johor meliputi daerah Muar, Segamat, Kluang, Yong Peng, Batu Pahat, Kota Tinggi sehingga melarat ke Singapura.

Pada 3 Mac, bilik gerakan di Kelantan ditutup lantaran banjir semakin pulih tetapi keadaan itu masih tidak berubah di Pahang dan Johor. Pada tarikh itu juga, 22 pusat penempatan banjir dibuka di Batu Pahat, Johor.

Banjir melanda Kuantan dan Bandar Diraja, Pahang, dua minggu kemudian akibat hujan yang masih berlarutan. Seramai 2,100 mangsa dipindahkan di ibu negeri Pahang itu. Banjir juga menyebabkan perhubungan darat antara Kuantan dan Kuala Lumpur terputus seketika.

Laporan 14 Mac menyebut Persatuan Palang Merah dari sembilan negara iaitu Hong Kong, Jepun, Arab Saudi, Thailand, Korea, Singapura, Afrika Selatan dan India menghulurkan bantuan bagi menangani kejadian banjir. Banjir berakhir beberapa minggu kemudian.

Bagaimanapun, selepas beberapa bulan mangsa banjir seluruh negara ingin memulakan kehidupan baru, bencana alam itu berlaku sekali lagi pada penghujung 1967.

Berita Harian pada 27 November 1967 melaporkan hujan berlarutan sejak beberapa hari kembali 'menenggelamkan' Kelantan, Perak, Pahang dan Johor.

Seramai 8,400 mangsa di Kelantan, Perak, Pahang, Terengganu dan Johor terpaksa dipindahkan ke Pusat Pemindahan. Banjir 'gelombang kedua' itu berterusan sehingga ke Januari 1968 dan kali ini, turut termasuk dalam senarai kawasan banjir adalah Sabah.


Selepas 40 tahun, kejadian itu berlaku di Johor dan beberapa negeri seluruh negara. Benarkan banjir besar berlaku dalam tempoh itu?



KEADAAN bandar Kota Bharu dilanda Bah Merah pada 1967.

FAKTA

Banjir



● Terdapat banjir yang berlaku mengikut pola pusingan tempoh masa tertentu tetapi ia berdasarkan pola purata hujan.

● Hujan dikatakan lebih kerap berlaku pada zaman sekarang berbanding dulu kerana pemanasan global menyebabkan kitaran air di udara semakin kerap.

● Bencana alam besar dikatakan berlaku sekitar 100 tahun sekali secara semula jadi akibat dipengaruhi beberapa faktor antaranya tarikan bulan dengan Bumi dan fenomena kitaran tompok matahari.

● Antara jenis banjir ialah banjir kilat, limpahan tebing sungai dan fenomena air pasang.

● Hujan berterusan termasuk akibat pergerakan angin monsun Timur Laut serta menyebabkan tanah tidak lagi mampu menyerap air menyebabkan banjir.

● Faktor menyebabkan banjir semakin buruk adalah pembangunan tidak mapan di mana tiada lagi kawasan tanah yang mampu menyerap air.

● Keadaan itu menyebabkan air daripada parit atau sungai yang penuh akan melimpah dan memburukkan lagi banjir.

● Fenomena air pasang di lautan akan menolak air banjir ke kawasan lain menyebabkan banjir merebak ke kawasan selamat.